**SOALAN NO : 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]** |
| **TARIKH** | **:** | **7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)** |

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai keputusan Kerajaan bagi menangani isu kadar pengangguran dalam kalangan belia dan hasil kajian Kementerian berkenaan dengan kedudukan tangga gaji baru yang bersesuaian bagi golongan muda.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Kos Sara Hidup Belia dan Keperluan Belia Malaysia pada tahun 2016 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) mendapati terdapat 4 cabaran yang menjadi kebimbangan belia antaranya adalah isu pengangguran dan peluang pekerjaan. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran belia yang berumur 15 hingga 30 tahun pada tahun 2017 adalah sebanyak 6.7%. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu pengangguran belia perlu ditangani dengan segera supaya tidak berlaku peningkatan jurang agihan pendapatan yang akhirnya akan meningkatkan kadar kemiskinan.

2. Sehubungan itu, dalam usaha menangani isu pengangguran dan peluang pekerjaan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah memberikan penekanan kepada aspek keusahawanan serta TVET melalui 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Dalam usaha menangani isu pengangguran belia, KBS sentiasa memastikan bahawa kursus yang ditawarkan di ILKBS adalah bersesuaian dengan penawaran dan permintaan pekerjaan.

3. Pada tahun 2015 sehingga 2019, KBS berjaya menghasilkan graduan seramai 26,456 graduan. Dalam tempoh tersebut, berlaku peningkatan kepada kadar kebolehpasaran meningkatkan graduan ILKBS daripada 80% pada tahun 2013 kepada 93% pada tahun 2018. Ia juga secara tidak langsung meningkatkan gaji purata graduan ILKBS daripada RM1,200 kepada RM1,678.

4. KBS juga telah memperkenalkan beberapa program bagi memberi pendedahan kepada para belia berkenaan dengan ilmu keusahawanan. Program-program ini dibangunkan antara lainnya bertujuan untuk membangunkan ciri-ciri keusahawanan dan memupuk pembudayaan keusahawanan kepada para belia untuk memilih bidang keusahawanan

sebagai kerjaya utama mereka. Antara program keusahawanan yang dilaksanakan oleh KBS adalah *Y-Career*, *Youth Business Expo* (YBEX) dan *Facing Up With Social Entrepreneurship* (FUSE).

5. Pada 1 Januari 2019, Kerajaan telah melaksanakan gaji minimum seragam di seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan (RM5.29 sejam) melalui pewartaan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018. Perintah Gaji Minimum (PGM) ini hanya terpakai kepada semua pekerja sektor swasta kecuali pekhidmat domestik dan perantisan. Dengan kenaikan kadar gaji minimum ini maka ia dapat membantu meringankan beban khususnya anak muda ekoran daripada peningkatan kos sara hidup di samping merapatkan jurang sosio-ekonomi antara negeri-negeri di Malaysia.

6. Selain itu, bagi memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya kepada anak muda, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 September 2019 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini merupakan satu usaha dalam membantu Kerajaan ke arah mencapai mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan. Antara isu-isu yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa ini meliputi pengangguran, tawaran gaji rendah, peluasan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang, kesepadanan pendidikan/latihan mengikut keperluan industri dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.